

Tajuk: Kunjungan Hormat dan Lawatan Penanda Aras oleh Institut Sosial Malaysia (ISM) ke Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN)

Tarikh: 8 September 2026

Tempat: Bilik Mesyuarat Perpustakaan INSTUN

Ringkasan Program:

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah menerima kunjungan hormat daripada Institut Sosial Malaysia (ISM) bertempat di Institut Tanah dan Ukur Negara. Delegasi ISM diketuai oleh Puan Norhaslinda binti Mohd Sibi, Pengarah ISM, pengurusan tertinggi serta pegawai kanan ISM.

Kunjungan hormat ini telah disambut oleh Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN bersama wakil pengurusan tertinggi serta pegawai – pegawai kanan. Kunjungan hormat ini menjadi platform untuk kedua-dua pihak bertukar pandangan serta meneroka ruang kerjasama strategik, khususnya dalam aspek pengurusan dan pelaksanaan latihan.

Antara perkara yang dibincangkan termasuk penggunaan Smart Classroom, MyStudio INSTUN, pengurusan latihan berkaitan, pemanfaatan platform dalam talian, serta sistem pendaftaran kursus. Perbincangan ini diharap dapat memperkukuh perkongsian pengetahuan dan amalan terbaik dalam penyampaian latihan yang lebih sistematik, berkesan dan selaras dengan keperluan semasa.

Semoga kunjungan ini menjadi pemangkin kepada jalinan kerjasama yang lebih erat antara INSTUN dan ISM dalam memperkasakan pembangunan kompetensi serta penyampaian latihan berkualiti kepada warga perkhidmatan awam.





